

Newspaper	Berita Harian
Date	24 June 2015

Perintis kemerdekaan Tanah Melayu

» **Undang Abdullah lantang kritik British, rancang strategi pembentukan negara baharu**

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhonline@bh.com.my

Rakyat Malaysia secara amnya tidak menyedari akan sumbangan besar Undang Luak Rembau Ke-18, Datuk Sedia Raja Abdullah Dahan kepada negara ini.

Undang Abdullah dikenal pasti adalah antara tiga Raja Melayu yang berperanan menamam asas pembentukan negara ini, seterusnya merintis kepada gerakan politik menuntut kemerdekaan daripada British.

Antara lokasi yang menjadi tempat pertemuan beliau membincangkan strategi kemerdekaan dan menubuhkan negara dengan Raja-Raja Melayu dan nasionalis awal adalah di balai kediamannya, yang dikenali sebagai Rumah Berkat di Chambong dan juga di Balai Undang Luak Rembau di Rembau.


Beliau bersama Sultan Perak, Sultan Alang Iskandar Shah; Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhammad dan RJA di-Hilir Perak, Raja Chulan Abdullah sering membidas pentadbiran British dan mendesak orang Melayu diberi tumpuan dalam pembangunan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS).

Rombak fungsi FMS Penyelidikan mendapati, Undang Abdullah adalah antara Raja Melayu yang bertanggungjawab merombak badan >erandangan FMS iaitu Majlis Persekutuan pada tahun 1927, yang kini dikenali sebagai Parlimen.

Pembunuhan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Tanah Simpanan Melayu, Malay Administrative Service (MAS), rancangan tanah koperasi yang sekarang dikenali sebagai FELDA dan FEL-CRA turut dikaitkan dengan usahanya, menerusi pelbagai usul membela nasib Melayu ketika beliau menjadi ahli tidak rasmi Majlis Persekutuan.

Undang Abdullah sering mendapat liputan meluas dalam akhbar tempatan dan antarabangsa sepanjang tempoh pemerintahannya di antara tahun 1922

Banyak jasa Undang Abdullah bersama rakannya dalam merintis gerakan politik menuntut kemerdekaan daripada British. Namun, usahanya terbantut selepas beliau dikatakan berdepan masalah mental sebelum meninggal dunia pada 5 Oktober 1939, ketika usianya baharu 38 tahun. Kematian pada usia muda itu menimbulkan banyak spekulasi, ada yang mendakwa dia diracuni British sebagai usaha penjajah menghalang kebangkitan kumpulan cendekiawan Melayu. Siri ketiga esok, BH akan mengupas mengenai teori konspirasi yang dikaitkan dengan kematiannya.



Undang Abdullah di hadapan rumahnya selepas ditabal sebagai Undang Luak Rembau Ke-18 pada 25 September 1922.



Abdullah Azmil Ahmad Dauta

“Strategi mereka ialah sebelum merdeka, orang Melayu mesti ada askar sendiri, mesti sudah tahu selok-belok pentadbiran, mesti mempunyai asas ekonomi yang kukuh bagi mengambil alih pentadbiran”

Abdullah Azmil Ahmad Dauta, Ahli Jawatankuasa Rumah Berkat

hingga tahun 1938, berikutan sikapnya yang pro Melayu dan sangat lantang mengkritik empayar Britain.

Ahli Jawatankuasa Pemuliharaan Rumah Berkat, Abdullah Azmil Ahmad Dauta, berkata ketokohan Undang Abdullah sudah lama menjadi bahan kajian sejarahwan daripada beberapa universiti terkemuka dunia.

Katanya, rekod bertulis, termasuk hansard Majlis Persekutuan menunjukkan Undang Abdullah bersama rakan baiknya, Raja Chulan dan Sultan Alang Iskandar Shah serta Tuanku Muhammad sudah pun memikirkan strategi kemerdekaan dan pembentukan negara baharu.

"Ketika itu Tanah Melayu terbahagi kepada FMS, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat. Namun, tiga R'ja Melayu dan seorang raja bergelar dari Perak ini sudah mula meletakkan batu asas supaya sebuah negara baharu yang merdeka untuk orang Melayu dapat diwujudkan.

Ambil alih pentadbiran "Strategi mereka ialah sebelum merdeka, orang Melayu mesti ada askar sendiri, mesti sudah tahu selok-belok pentadbiran, mesti mempunyai asas ekonomi yang kukuh dan fasa terakhir ialah menubuhkan parti politik bagi

mengambil alih pentadbiran," katanya kepada BH, di sini, baru-baru ini.

Justeru, bagi merealisasikan strategi itu, tiga Raja Melayu dan seorang raja bergelar berkenaan sering mendesak British menunaikan hasrat mereka dan Undang Abdullah adalah pemerintah Melayu paling lantang bersuara, terutama perkara berkaitan kepentingan Melayu.

Abdullah Azmil berkata, berdasarkan rekod pandang dengar yang diperolehi daripada Buapak Waris Sedia Raja, Datuk Menteri Kamaruddin Abdullah dan kerani Balai Undang Luak Rembau, Zainuddin Mahmud, Undang Abdullah sering menerima kuyungan ramai tokoh nasionalis awal di balai kediamannya di Chambong.

Antaranya ialah Datuk Onn Jaafar, Tan Sri Zainal Abidin Ahmad atau Pendeta Zaaba, Ibrahim Yaakob, Dr Burhanuddin Al Helmy dan Ishak Muhammad atau Pak Sako, yang berjumpa Undang Abdullah untuk bertanyakan pendapat serta memperjari strategi menuntut kemerdekaan daripada British.

Tegas, kurang senyum Selain sikapnya yang tegas, kurang senyum dan tidak banyak berekap, Abdullah Azmil berkata, keberanian datuknya itu ter-



Undang Abdullah Dahan

INFO

Undang Abdullah

- Berasal dari Kampung Tanjong, Rembau.
- Ibunya adalah daripada Suku Biduanda Waris Jawa, yang berhak menyandang pusaka Undang.
- Menjadi Undang Luak Rembau ketika berumur 21 tahun pada tahun 1922.
- Dilucutkan takhta sebagai Undang pada tahun 1937 dan diangkat pada 1939 ketika berumur 38 tahun.
- Undang termuda dalam sejarah Negeri Sembilan dan Malaysia moden.
- Mendapat pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK).
- Bekerja sebagai pegawai koperasi sebelum dilantik menjadi Undang Luak Rembau.
- Ahli tidak rasmi Majlis Persekutuan sejak tahun 1927.

hadap British begitu terserlah sekali dan amat difahami rakan rapatnya serta pekeja.

Pernah satu masa, katanya, Undang Abdullah membiarkan British untuk menunggu berjam-jam di hadapan pagar rumahnya di bawah terik matahari hanya kerana mahu membiarkan pegawai penjajah itu kepanasan.

"Orang besar, termasuk pembesar British selalu berkunjung ke kediamannya. Padahal beliau tidak sibuk pun ketika itu (ketika pegawai British hadir) tetapi sebab bencikan British, kuyungan mereka (British) intuk bertemu saya sering dilewatkan.

"Namun, situasi sama tidak pula berlaku kepada rakannya seperti Datuk Onn dan Pendeta Zaaba, layanan baik, malah ada kala dia menawarkan mereka untuk tinggal di kediamannya ini," katanya.